



## MENYEMARAKAN SEMANGAT PATRIOTIK MALAYSIA MADANI

Pendidikan di sekolah sangat penting bagi menyemarakkan semula semangat patriotik dalam kalangan generasi muda di negara ini. Sambutan Hari Kebangsaan bukan hanya diraikan pada setiap tanggal 31 Ogos, malah sewajarnya disemarakkan sentiasa dalam jiwa generasi muda dan masyarakat pada hari ini.

**M**eskipun mereka tidak pernah melalui saat dan detik bersejarah pada 31 Ogos 1957, yakni hari kemerdekaan negara, namun pelbagai usaha boleh dilakukan bagi memupuk dan menyemai semangat patriotik dalam kalangan mereka. Usaha memupuk dan menyemarakkan semangat patriotik ini menjadi tanggung jawab semua pihak. Kata pepatah "bersatu teguh bercerai roboh", sewajarnya menjadi pegangan kita.

Justeru, dalam kehidupan ini tanpa semangat yang berkobar-kobar dalam diri, tidak ada kejayaan besar yang dapat dilakukan. Kurangnya semangat dalam diri boleh mengakibatkan lebih banyak kegagalan jika dibandingkan dengan kebijaksanaan atau kemahiran. Oleh hal yang demikian, usaha pemupukan dalam menyemarakkan semangat patriotik akan menjadikan kehidupan rakyat pelbagai kaum di negara ini lebih bersatu, teguh dan kukuh.

Bagi menarik perhatian golongan muda, usaha menyemai dan menyuburkan kembali semangat patriotik, iaitu semangat cinta akan negara dalam kalangan remaja perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh. Tarikh 31 Ogos 1957 mestilah dijadikan tarikh penting untuk menyubur dan menjana kembali semangat cinta akan negara dan tidak dibiarkan berlalu begitu sahaja. Selepas 66 tahun merdeka, semangat ini seharusnya semakin mantap dan kuat dalam hati dan jiwa remaja.

Oleh itu, janganlah tarikh itu sekadar menjadi nostalgia golongan dewasa atau warga emas yang kebetulan lahir pada atau sebelum merdeka. Semangat patriotik ini sewajarnya diterapkan dalam jiwa remaja yang tidak terhad pada bulan kemerdekaan semata-mata. Maka itu, praktikkanlah segala apa-apa yang terkandung dalam Rukun Negara dan sentiasa menyuburkan semangat cinta akan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa komunikasi yang berkesan ke arah menyemarakkan semangat perpaduan di negara ini.

Dalam meniti cabaran masa kini yang lebih mencabar, iaitu cabaran globalisasi yang melanda seluruh dunia juga memerlukan setiap negara menyusun strategi masing-masing. Bagi menghadapi keadaan ini, seluruh rakyat Malaysia khususnya golongan remaja, tanpa mengira keturunan dan anutan agama, perlu bergerak seiring sebagai satu bangsa yang berfikir dan bertindak ke arah mencapai matlamat yang sama, iaitu membina negara yang lebih maju, selamat, aman, makmur dan mampu bersaing dengan masyarakat lain pada peringkat dunia. Bertepatan dengan tema Hari Kebangsaan ke-66, iaitu "Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan" yang mengandungi falsafah dan tujuan dalam kata-kata tersirat. Hal ini menjurus pada perpaduan rakyat

dan masyarakat MADANI yang inginkan kehidupan yang sejahtera penuh harapan dan keamanan negara pada masa depan.

Yang lebih penting, golongan remaja mestilah diberi kefahaman yang berkaitan dengan tema dan sambutan Hari Kebangsaan ini. Lantaran itu, kita tidak boleh menyalahkan golongan remaja semata-mata dalam menghadapi cabaran globalisasi disebabkan kurangnya semangat patriotik dalam diri mereka. Tiada sesiapa yang dapat menentukan sama ada remaja tersebut bersalah atau tidak.

Namun begitu, kita tidak dapat menolak hakikat bahawa setakat ini usaha memupuk dan menanam semangat patriotik dalam kalangan remaja belum mencukupi. Sebagai contoh, melalui ceramah, penceritaan, pengisahan sejarah kemerdekaan, pameran dan sayembara deklamasi sajak bertemakan kemerdekaan diharapkan akan dapat menyemai kembali semangat patriotik ini.

Sebagai contoh, usaha menyanyikan lagu *Negaraku* dan menyampaikan ikrar "Rukun Negara" setiap kali perhimpunan mingguan di sekolah tidak memadai untuk menanam semangat itu. Sewajarnya apabila kembali semula ke kelas, guru dan pelajar mungkin dapat meluangkan sedikit masa berbincang mengenai kenegaraan dan tanggungjawab sebagai pelajar terhadap negara.

Mata pelajaran Pendidikan Moral, Sejarah dan mata pelajaran lain juga boleh membantu menerapkan semangat cinta akan negara.

Melalui mata pelajaran ini, perasaan cinta yang kuat dan tanggungjawab terhadap tanah air dapat dibincangkan dengan lebih khusus. Selain itu, melalui mata pelajaran Bahasa Melayu juga semangat patriotik dapat diterapkan melalui Komponen Sastera (Komsas) yang terdapat bahan berunsur patriotik seperti sajak, cerpen dan novel, serta bahan-bahan petikan yang lain. Terdapat banyak karya sastera yang memaparkan semangat cinta akan tanah air dalam teks Komsas.

Menyentuh tentang nilai dan semangat patriotik, pakar psikologi menyatakan bahawa nilai dan sikap terbahagi kepada tiga aspek, iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku. Aspek kognitif ialah nilai terhadap maklumat dan kepercayaan dalam sesuatu perkara. Afektif pula ialah nilai yang membabitkan kecenderungan individu yang mencerminkan sebahagian daripada nilai dan sikap. Tingkah laku pula ialah gerak-geri, kelakuan dan perbuatan seseorang individu.

Ketiga-tiga aspek ini saling berkaitan dalam mengawal tingkah laku dan pandangan seseorang serta boleh mempengaruhi kehidupan dan persekitaran, sistem kerajaan, masyarakat, kebudayaan, adat resam dan sejarah. Ketiga-tiga aspek berkenaan patut ditanam dalam jiwa remaja bagi meningkatkan semangat patriotik yang kian pudar.

Oleh itu, dalam meneliti hal ini, kita mungkin boleh mempelajari kesungguhan negara jiran seperti Thailand dan Indonesia dalam memupuk semangat patriotisme dalam kalangan rakyatnya. Sebagai contoh, di Thailand lagu kebangsaan mereka dinyanyikan sebanyak tiga kali sehari. Jika melawat negara berkenaan, kita akan terpegun melihat rakyatnya menghormati lagu kebangsaan yang berkumandang di segenap pelosok bandar besar apabila jam menunjukkan pukul 8.00 pagi.

Usaha tersebut boleh dilakukan di negara ini melalui radio dan televisyen yang menyiarkan nyanyian lagu kebangsaan pada waktu tertentu bukan hanya pada waktu tamat siaran, iaitu waktu kebanyakan orang sudah tidur. Perhimpunan mingguan pada pagi Isnin seperti di sesetengah pejabat kerajaan yang menyanyikan lagu kebangsaan dan memberikan taklimat seharusnya dicontohi.

Perbezaan agama, bangsa, kepercayaan dan kebudayaan di negara ini tidak menjadi penghalang ke arah memupuk semangat kebangsaan. Bahkan sejarah menunjukkan bahawa semangat kebangsaan menjadi pendorong untuk rakyat berjuang menentang

penjajahan dengan semangat perpaduan sehingga mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Dalam hal ini, guru boleh menceritakan kepada pelajar tentang sejarah negara dan menyedarkan mereka bahawa betapa beruntungnya tinggal di negara ini berbanding dengan negara lain. Pelajar boleh dibawa melawat ke tempat-tempat bersejarah yang ada kaitan dengan peristiwa kemerdekaan seperti Muzium Negara, Memorial Tunku Abdul Rahman, Memorial Tun Abdul Razak dan Tugu Pahlawan dengan mengisahkan kembali peristiwa zaman lampau.

Sambutan Hari Kebangsaan adalah kesempatan terbaik untuk dijadikan acara yang membabitkan remaja bagi memperlihatkan dan memperkukuh semangat nasionalisme mereka yang tidak berbelah bahagi. Rasa cinta akan negara melalui semangat merdeka, iaitu merdeka akal dan jiwa mestilah diteruskan dalam kehidupan. Keamanan dan kedamaian dapat ditingkatkan lagi melalui semangat kecintaan yang tinggi terhadap negara.

Pelbagai acara boleh dilakukan pada waktu lain seperti membaca puisi yang bertemakan semangat kebangsaan, pengisahan kembali sejarah negara oleh tokoh-tokoh sejarah, pemupukan nilai murni dan semangat kebangsaan dalam kalangan remaja melalui pertandingan nyanyian yang bertemakan semangat patriotik. Pengisian ini mestilah dilakukan sepanjang masa dan tidak sekadar bermusim, iaitu hanya pada bulan Ogos setiap tahun sahaja.

Melalui aspek pendidikan, semangat patriotik dapat dipupuk dan dapat menghasilkan kebijaksanaan bagi memperkasakan semangat patriotisme dalam kalangan remaja. Semangat cinta akan negara ini seharusnya dididik, yakni bermula dari rumah diteruskan di sekolah dan diamalkan dalam kehidupan.

Mengimbas kembali, suatu ketika dahulu terdapat latihan menerusi Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) apabila mereka dididik dan disemai dengan semangat cinta akan negara melalui aktiviti kebudayaan dan sastera. Semangat ini akan menyuburkan kekuatan kepada jati diri remaja apabila keluar dari pusat tersebut dan dapat dimanfaatkan dalam kehidupan mereka.

Semangat patriotik pastinya dapat membina kesedaran dalam kalangan pelajar ke arah kesedaran membina negara bangsa Malaysia yang bersatu padu dan hidup dalam kesejahteraan. Mereka juga akan memahami tentang sejarah negara, kepentingan bahasa Melayu sebagai

bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan, selain latar belakang pembinaan negara bangsa yang menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi.

Sebagai rakyat, semangat cinta akan negara dapat dibuktikan melalui kecintaan kepada tanah air, kepada bahasanya, kepada pemimpin dan seterusnya berusaha mengekalkan perpaduan yang kukuh dan jitu. Pandangan tokoh-tokoh besar dunia sewajarnya menjadi teladan dan renungan kepada kita. Antaranya, menurut tokoh Islam, Said Hawwa, apabila ada pihak lain baik dari dalam mahupun dari luar yang hendak menggulingkan kekuasaan pemimpin, maka kewajipan rakyat adalah untuk memerangi pihak tersebut. Rakyat harus taat dan setia dengan pemimpinnya dan mempertahankan negara bersama-sama pemimpinnya.

Jika kita lihat, kata-kata bekas Presiden Amerika Syarikat, George Washington, "Saya tahu patriotisme itu wujud. Saya tahu sumbangannya sangat besar, tetapi dalam peperangan, untuk menang kita tidak boleh mengharap padanya semata-mata kerana harus disokong oleh soal kepentingan dan hasil yang akan diperoleh,". Sementara menurut John F. Kennedy pula beliau menyatakan bahawa, "jangan ditanya apakah yang negara boleh beri kepada kita, tetapi tanyalah apakah yang boleh kita beri kepada negara?"

Sebagai rakyat yang cinta akan negaranya, kita mestilah berusaha memupuk perpaduan kaum, menyatukan semangat perpaduan dan muhibah serta berbakti kepada negara melalui rasa cinta akan alam dan tanah, selain tidak menjadi pengkhianat kepada negara di tempat kita lahir. Seperti kata Nathan Hale, "satu-satunya perkara yang saya kesalkan ialah saya hanya mempunyai satu nyawa untuk dikorbankan demi negara saya."

Akhirnya, semua generasi muda perlu disemai dan dipupuk dengan semangat patriotik bagi membentuk masyarakat Malaysia MADANI dengan tekad perpaduan dalam memenuhi harapan negara dan sentiasa mengekalkan nilai tersebut sepanjang masa bagi menuju kesejahteraan hidup. Kekalkanlah masa depan Malaysia dengan perpaduan rakyat yang jitu dan bersatu padu. □

**Dr. Aminudin Mansor**, Mantan Guru Cemerlang Bahasa Melayu/Sastera Melayu yang pernah berkhidmat sebagai pendidik selama 36 tahun dan Tokoh Pendidik Negeri Selangor 2001 serta telah menghasilkan lebih daripada 50 buah buku dan esei pendidikan.